

© Yayasan RHT Rajan Menon 2018
(UEN No.201506964K)

Tujuan penerbitan ini hanya sebagai panduan umum dan sorotan isu-isu. Ia tidak bertujuan untuk digunakan kepada keadaan tertentu atau untuk merupakan nasihat guaman.

ISBN:
E-book: 978-981-11-8146-7
Paperback/Softcover: 978-981-11-8145-0

Supporting Partners



Official Sponsors



Chow Tai Fook Charity Foundation (Singapore)
周大福慈善基金(新加坡)



MENCAPAI KEBAHAGIAAN DI USIA EMAS
Buku panduan untuk warga tua dan penjaga mereka



Rakan Kongsi Menyokong



Penaja Rasmi



Chow Tai Fook Charity Foundation (Singapore)
周大福慈善基金(新加坡)



© Yayasan RHT Rajan Menon 2018

Cetakan Pertama di Republik Singapura: November 2017
Edisi Kedua: Julai 2018

PENAFIAN

Buku panduan ini mengandungi maklumat umum mengenai undang-undang dan hal-hal perundangan, pertolongan kecemasan dan demensia, serta pemantauan rumah dan keselamatan jalan raya untuk warga tua. Maklumat ini disediakan sebagai perkhidmatan awam oleh Yayasan RHT Rajan Menon ("Yayasan"). Walaupun maklumat ini diperolehi dari sumber-sumber yang boleh dipercayai dan tepat pada 25 Julai 2018, Yayasan tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan mengenai ketepatan maklumat tersebut. Yayasan dan para wakilnya juga tidak mengambil sebarang tanggungjawab bagi kesilapan atau ketinggalan di dalam maklumat yang disediakan. Maklumat yang disediakan bukanlah nasihat guaman dan tidak boleh dianggap sebagai alternatif kepada perolehan nasihat guaman daripada seorang peguam. Maklumat yang diberikan dalam buku panduan ini bukan analisis yang lengkap tentang tajuk-tajuk yang dibincangkan, dan nasihat guaman dan/atau profesional lain harus diambil sebelum anda megambil sebarang tindakan.

Pandangan yang diberikan oleh para penyumbang adalah pandangan peribadi para penyumbang masing-masing dan tidak semestinya menggambarkan pandangan Yayasan. Walaupun segala daya usaha telah diberi untuk memastikan ketepatan maklumat yang terkandung dalam buku panduan ini, para penyumbang, rakan kongsi dan penaja rasmi menafikan semua liabiliti dan tanggungjawab untuk apa-apa kesilapan atau ketinggalan dalam penerbitan ini, sama ada berkenaan dengan apa-apa atau diakibatkan kesilapan atau ketinggalan tersubut, walaupun dilakukan atau tidak dilakukan oleh mana-mana pihak yang bergantung, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, kepada keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan penerbitan ini. Yayasan juga tidak bertanggung jawab untuk laman web (atau kandungan mereka) yang tidak dimiliki oleh Yayasan.

Instrumen statut undang-undang Singapura yang disebut dalam buku panduan ini boleh didapati di statutes.agc.gov.sg

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sebarang sistem pengambilan semula atau dihantar, dalam apa jua bentuk atau dengan apa cara, sama ada elektronik atau fizikal, termasuk fotokopi dan rakaman, tanpa kebenaran bertulis pemegang hak cipta.

ISBN:

E-book: 978-981-11-8146-7

Paperback/Softcover: 978-981-11-8145-0

Kandungan

Kata Pengantar	4
Pengenalan: Kepentingan buku panduan ini penting untuk anda	6
Satu: Pengurusan Kebajikan Peribadi	9
Dua: Isu Undang-Undang Keluarga	14
Tiga: Pengurusan Kekayaan Kewangan	22
- Perancangan Kesinambungan Bisnes	23
- Perancangan Kekayaan Keluarga	28
- Pemilikan Hartanah (Cara Memegang Hartanah)	32
Empat: Memasuki Kontrak	35
Lima: Panduan kepada Bantuan Cemas untuk Pengasuh	40
Enam: Demensia dan Alzheimer	49
Tujuh: Certis OK! Perkhidmatan Pemantauan Rumah dan Tindak Balas	54
Lapan: Keselamatan Jalan Raya Untuk Warga Tua	60
Nombor Hubungan Berguna	62
Rakan Kongsi Menyokong	69
Penaja-penaja Rasmi	77
Penyumbang	78

Kata Pengantar

Pembaca yang dihormati,

Dengan masyarakat yang semakin tua, kita perlu memastikan bahawa warga tua kita dan penjaga mereka sedar tentang struktur dan program-program sokongan yang tersedia pada mereka. Saya berasa amat suka cita dengan tujuan di belakang Buku Panduan ini.

“Mencapai Kebahagiaan Di Usia Emas” adalah satu risalah yang berguna sedang kita melalui kerumitan masalah peribadi, kewangan dan perundungan sewaktu kita meniti usia tua. Buku Panduan ini adalah hasil kerjasama erat dan dedikasi antara pelbagai pihak-pihak tertentu, termasuk agensi-agensi pemerintah, rakan kongsi masyarakat dan juga ahli-ahli dari masyarakat awam.

Sambil kita berusaha untuk memberi khidmat kepada golongan yang lemah dalam cara yang lebih selaras dan lestari, sumber maklumat seperti Buku Panduan ini memainkan peranan yang penting untuk memastikan bahawa maklumat yang betul dan relevan dapat disampaikan dan memanfaatkan pihak-pihak yang disasarkan. Kami amat mengalu-alukan lebih banyak inisiatif seperti Buku Panduan ini dari golongan masyarakat. Kepada Yayasan RHT Rajan Menon, tahniah atas usaha anda yang baik, dan teruskan semangat perkhidmatan.

Encik Desmond Lee

**Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga
Menteri Kedua untuk Pembangunan Negara**

Pembaca yang dihormati,

Warga tua di Singapura boleh menikmati hidup yang memuaskan. Yang penting untuk mencapai kehidupan seperti ini adalah menjaga kesihatan, serta mengambil kesedaran akan cabaran-cabaran yang akan dihadapi dan dibawa semakin kita bertambah usia.

Buku Panduan ini adalah hasil usaha dan semangat perkhidmatan Yayasan RHT Rajan Menon dan seharusnya membolehkan warga tua kita menjalani hidup yang berhasil dan selesa. Sebagai apa yang sering dikatakan, “dengan penerimaan amaran awal, kita boleh lebih bersedia”.

Topik-topik di dalam Buku Panduan ini telah dipilih dengan teliti. Ia ditulis oleh sekumpulan profesional yang berdedikasi dan siap menawarkan masa dan kepakaran mereka, dan adalah repositori maklumat yang praktikal dan wajar untuk warga tua kami menggunakan. Saya berharap agar buku ini dapat diedarkan secara meluas dan dibaca oleh orang ramai untuk mencapai tujuan murni sebalik penerbitannya.

Saya menggalakkan anda untuk membacanya dengan teliti dan menyimpannya di tempat senang dicapai untuk rujukan masa depan.

Semoga anda dapat menikmati usia tua dengan penuh kebahagiaan.

Dari seorang rakan warga tua baru yang kini berusia 63 tahun,
Professor Madya Ho Peng Kee
Penaung Yayasan RHT Rajan Menon

PENGENALAN:

Kepentingan buku panduan ini untuk anda

Selama ini, purata jangka hayat di Singapura dan keseluruhan dunia telah meningkat secara berterusan. Ini bermakna bahawa pada hari ini, orang ramai boleh mengharap untuk hidup dengan lebih lama.

Walaupun anda berupaya menangani isu-isu yang anda hadapi pada saat ini, situasi anda mungkin berubah sambil anda menjadi meniti usia tua.

Sekitar beberapa tahun lepas, pihak pemerintah telah memperkenalkan beberapa undang-undang dan polisibaru untuk membantu orang ramai menangani cabaran usia tua.

Buku panduan ini dapat membantu anda memahami dan merancang langkah-langkah untuk diambil semasa anda atau orang kesayangan anda meniti usia tua.

Keperluan usia yang berlainan

Merancang Kehadapan

Masadepan anda adalah tanggungjawab anda sendiri.

Merancang dengan keseluruhan dan holistic amat penting untuk masadepan yang lebih selamat, damai dan memuaskan untuk anda dan ahli keluarga anda.

Ambillah langkah untuk hal-hal peribadi dan kewangan anda. Pernahkah anda pertimbangkan bagaimana asset-asset kewangan anda akan dibahagikan?

Bagaimana pula jika sekiranya anda tidak boleh membuat keputusan sendiri? Ini adalah beberapa soalan yang perlu anda hadapi sekarang selagi anda masih boleh membuat keputusan sendiri.

Undang-undang memberi anda kuasa untuk menjaga urusan masa depan anda.

Kekayaan Anda

Dengan mempunyai rancangan yang jelas mengenai kekayaan anda, anda boleh yakin bahawa masadepan anda, serta orang tersayang dan tanggungan anda, akan dijaga dengan cukup. Ada tiga bidang yang perlu anda perhatikan: **pengurusan kebajikan peribadi, isu undang-undang keluarga dan pengurusan kekayaan kewangan**. Kawasan-kawasan ini diliputi dalam Bab 1 hingga 3.

Pengurusan
Kebajikan Peribadi

Isu-isu Undang-
undang Keluarga

Pengurusan
Kekayaan Kewangan

Membeli Produk atau Perkhidmatan

Anda harus berhati-hati apabila anda memasuki kontrak, supaya anda tidak diambil kesempatan sedang anda membeli produk atau perkhidmatan. Topik ini diliputi dalam Bab 4.

Penjagaan Perubatan

Penjagaan perubatan juga akan menjadi suatu pertimbangan yang semakin penting sambil anda meniti usia tua. Bab 5 akan memberi warga tua dan pengasuh mereka pengenalan umum kepada rawatan perubatan untuk warga tua.

Pemantauan Rumah dan Keselamatan Jalan Raya

Sambil anda menjadi tua, anda akan menghadapi pelbagai cabaran yang berkaitan dengan pergerakan fizikal anda, sama ada di dalam atau di luar rumah. Hal-hal pemantauan rumah dan keselamatan jalan raya adalah topik perbincangan didalam Bab 7 dan 8.

SATU:

Pengurusan Kebajikan Peribadi



Sambil anda meniti usia tua, anda mungkin menghadapi isu-isu berkaitan dengan kesihatan anda, baik fizikal atau mental.

Isu-isu kesihatan mental, yang sering dipandang remeh dan diabaikan, boleh mencabar keupayaan mental untuk diri anda. Kekurangan keupayaan mental mungkin timbul secara semulajadi ketika anda sedang berumur atau disebabkan kemalangan atau penyakit pada bila-bila masa.

Masalah kesihatan fizikal boleh menyebabkan penderitaan di penghujung hidup anda, yang mana semua orang berharap untuk mengelakkan.

Anda harus tahu bahawa undang-undang wujud untuk membantu anda menangani atau mengurangkan beberapa masalah ini, supaya keputusan anda untuk diri anda dapat dijalankan di masa hadapan sekiranya anda hilang keupayaan untuk membuat keputusan untuk diri anda.

Akta Kapasiti Mental

Undang-undang Pengurusan Kebajikan Peribadi


Akta Arah Perubatan Awal

Akta Kapasiti Mental

Akta Kapasiti Mental membolehkan anda melantik terlebih dahulu, semasa anda masih ada keupayaan untuk membuat keputusan untuk diri anda, seorang timbalan sekiranya anda hilang keupayaan mental. Ini terutamanya amat penting apabila untuk keputusan-keputusan yang boleh mengubah hidup anda.

Kekurangan kapasiti mental merujuk kepada ketidakupayaan untuk membuat keputusan berhubungan dengan sesuatu perkara pada masa yang relevan disebabkan oleh kemerosotan fikiran. Ini mungkin disebabkan oleh strok, kecederaan otak atau demensia.

Carta aliran ini menunjukkan proses membuat keputusan.



To cater for a scenario where you may lose the ability to make decisions, you can appoint a person(s) as a representative (Donee) for yourself (Donor) under a Lasting Power of Attorney (LPA).

Bagi menampung senario di mana anda mungkin hilang keupayaan mental, anda boleh melantik seseorang sebagai timbalan (Donee) untuk diri anda (Donor) di bawah dokumen Surat Kuasa Berkekalan (LPA). LPA memberi Donee kebenaran untuk mengambil tindakan bagi pihak anda sekiranya anda hilang keupayaan mental, seperti yang berkaitan dengan kebajikan peribadi anda seperti penjagaan sehari-hari, serta urusan hartanah anda.

Walaubagaimanapun, Donee tidak boleh mengambil tindakan bagi pihak anda mengenai isu perkahwinan, agama, arahan perubatan awal (Advanced Medical Directive) dan pendermaan bahagian tubuh badan. Donee juga tidak patut membuat keputusan jika dia percaya bahawa Donor boleh membuat keputusan itu sendiri pada masa itu.

Terdapat juga sekatan khusus bagi setiap jenis Donee. Contohnya, **Donee harta tanah dan urusan** tidak dibenarkan untuk melaksanakan wasiat, atau membuat atau membatalkan pencalonan CPF, manakala **Donee kebajikan peribadi** tidak boleh membuat apa-apa keputusan mengenai penjalanan atau penerusan rawatan yang mengekalkan hidup ke atas Donor.

Sekiranya anda tidak berkesempatan untuk membuat LPA sebelum hilang kapasiti mental, mahkamah boleh melantik seorang timbalan untuk membuat keputusan bagi pihak anda.

Anda perlu berfikir untuk melantik Donee yang boleh dipercayai dan merangka LPA yang jelas supaya anda dapat memastikan Donee anda menjalankan amanah untuk mengambil tindakan bagi pihak anda dengan penuh tanggungjawab selaras dengan kehendak dan hasrat anda.

Anda juga boleh membatalkan LPA pada bila masa selagi anda mempunyai kapasiti mental. Jika anda merasa bahawa kepentingan anda tidak dijaga dengan betul, anda juga boleh merujuk kepada Pejabat Penjaga Awam, satu divisi pemerintah, yang menjaga individu-individu yang kurang kapasiti mental.

Pejabat Penjaga Awam akan campur tangan sekiranya individu LPA yang dilantik tidak bertindak untuk kepentingan terbaik anda.



Pejabat Pengawal Awam



1800 226 6222



www.publicguardian.gov.sg

Akta Arahan Awal Perubatan

Selain daripada masalah kesihatan mental, anda juga harus memperhatikan penyakit fizikal. Walaupun kita semua akhirnya akan meninggal dunia, sesetengah daripada kita mungkin memilih untuk tidak menerima rawatan perubatan luar biasa yang boleh memanjangkan kehidupan sekiranya kita menghidap penyakit yang boleh membawa maut dan berada dalam keadaan tidak sedar diri.

Akta Arahan Awal Perubatan Awal membolehkan penciptaan **Arahan Awal Perubatan** (Advanced Medical Directive, atau AMD), sesuatu dokumen yang anda tandatangani pada masa awal selagi anda masih mempunyai keupayaan mental.

Dokumen ini memberitahu doktor anda bahawa anda tidak ingin menerima sebarang rawatan perubatan untuk memanjangkan umur anda sekiranya anda sakit parah.

Walau bagaimanapun, ini tidak termasuk penjagaan hujung hidup, yang bermaksud bahawa kesakitan masih akan terus diuruskan dan kualiti hidup anda tidak akan merosot dalam di penghujung kehidupan anda.

Oleh itu, penderitaan anda tidak akan berpanjangan dan doktor anda akan membiarkan anda menemui ajal melalui proses nazak secara semulajadi.

Sesiapa berumur 21 tahun ke atas yang mempunyai keupayaan mental boleh membuat AMD secara percuma.

Borang AMD boleh didapati di poliklinik, hospital dan laman web Kementerian Kesihatan. Dokumen AMD adalah rahsia dan hanya individu yang diberi kuatkuasa oleh anda secara bertulis akan tahu tentang kewujudannya.

Adalah penting untuk diperhatikan bahawa AMD dan euthanasia sangat berbeza.

AMD tidak memberi kuatkuasa kepada doktor untuk mempercepatkan kematian tetapi semata-mata membolehkan proses nazak untuk berjalan secara semulajadi semasa menguruskan kesakitan.

Ini bermakna anda akan menemui ajal melalui proses nazaksemulajadi.

Umat Islam dibenarkan membuat penciptaan AMD yang selaras dengan peruntukan Akta Arahan Awal Perubatan.

DUA:

Isu Undang-undang Keluarga

Dalam meniti usia tua, anda mungkin menimbang, atau sedang menghadapi, perceraian.

Adalah penting untuk memulakan perancangan untuk situasi sedemikian sementara kedua-dua pihak mengekalkan kapasiti mereka untuk membuat keputusan yang bermaklumat.

Ada dua isu undang-undang keluarga utama: **perceraian di usia tua dan penderaan**.



Perceraian Di Usia Tua

Walaupun kebanyakan kita tidak berfikir bahawa perkahwinan kita akan gagal, realiti perkahwinan adalah bahawa walaupun dalam kesatuan yang paling lama berkekalan, perceraian mungkin berlaku. Malangnya, ia telah menjadi lebih biasa bagi perkahwinan yang bertahan bertahun-tahun untuk runtuh.

Pemisahan dan kecurangan adalah sebab-sebab biasa perceraian di usia tua.

Ia mungkin sulit untuk mengurus butiran-butiran rumit dalam perceraian tanpa bantuan guaman.

Ada juga terdapat beberapa ciri-ciri yang unik kepada perceraian di usia tua yang memerlukan perhatian khusus.

Mengambil perhatian tentang butiran-butiran ini sekarang akan membantu anda membuat keputusan yang terbaik untuk diri anda jika kejadian malang ini berlaku.

Pertimbangan dan keutamaan warga tua sangat berbeza dari pasangan muda.

Pemeliharaan tabung simpanan untuk menampung pembelanjaan untuk penjagaan kesihatan jangka panjang adalah satu kasus yang perlu diberi tumpuan.

Menerima sokongan dan mengetepikan dana untuk kanak-kanak adalah antara keutamaan.

Dalam menentukan pembahagian aset, faktor-faktor yang berkaitan, termasuk sumbangan langsung, bukan langsung dan bukan kewangan, akan diambil kira.

Anda juga boleh memohon nafkah semasa dan pada akhir prosiding perceraian.

Sekiranya anda sedang memikirkan tentang perceraian, pertimbangkan juga untuk menyemak semula wasiat anda. Ini akan memastikan bahawa jika anda meninggal dunia sebelum selesai perceraian, aset anda akan pergi kepada orang pilihan anda.

Ini juga termasuk berfikir tentang pembahagian dana CPF dan polisi insurans anda.

Jika anda tidak mengeluarkan bekas pasangan anda sebagai benefisiari polisi insurans nyawa anda, dia boleh mewarisi aset anda.

Dapatkan nashat daripada peguam anda untuk melindungi aset dan harta anda sekiranya berlaku perceraian.

Penderaan Warga Tua

Penderaan juga adalah satu masalah yang anda mungkin hadapi.

Aspek-aspek berlainan penderaan termasuk pengabaian, keganasan dan penderaan kewangan.

Sekiranya anda menjadi mangsa penderaan, anda harus mencari bantuan seawal mungkin.

Satu tempat yang anda boleh pergi untuk mendapatkan bantuan adalah Pusat Perkhidmatan Keluarga terdekat yang terletak di kejiranannya anda.

Perlindungan dari penderaan harus dicari apabila kesusahan atau kemudaratatan berlaku kepada orang yang lebih tua.

Piagam Wanita menawarkan saluran bantuan jika anda mengalami keganasan di rumah. Sebagai contoh, mangsa penderaan (sebarang jantina) boleh memohon kepada Mahkamah untuk Perintah Perlindungan untuk menghalang pendera.

Dalam kes-kes penderaan lebih serius yang melibatkan gangguan dan keganasan fizikal, anda boleh membuat laporan polis terhadap pendera.

Walau bagaimanapun, warga tua biasanya tidak melaporkan anak-anak mereka kepada polis atas pelbagai sebab, termasuk ketakutan bahawa anak-anak mereka akan dipenjarakan.

Dalam sesetengah situasi, orang tua mungkin mengalami pengabaian dan penderaan kewangan apabila anak-anak mereka yang sudah bekerja gagal untuk menyokong mereka dari segi kewangan. Sekiranya anda berumur 60 tahun dan ke atas, dan mendapati diri anda dalam situasi malang seperti ini, pemerintah telah menubuhkan Tribunal Untuk Penyelenggaraan Nafkah Ibu Bapa yang independent untuk menangani hal-hal begini. Anda boleh memohon kepada Tribunal tersebut untuk mempertimbangkan kes anda. Dalam kes-kes yang sewajarnya, Tribunal akan memerintah anak-anak memberi ibu bapa mereka elau bulanan atau memberi sokongan kewangan kerap dalam bentuk lain.

Sistem Keadilan Keluarga telah memudahkan untuk anda menerima bantuan dari segi undang-undang sekiranya anda memerlukannya.

Sebagai contoh, ia akan menjadi lebih mudah untuk memohon nafkah dari anak-anak anda jika anda memerlukannya.

Pengetahuan mengenai hak-hak di atas boleh membantu anda menjalani kehidupan yang selesa di zaman kegemilangan anda.

Perlindungan Orang Dewasa Yang Lemah

Undang-undang baru yang dikenali sebagai Akta Perlindungan Orang Dewasa Lemah (Vulnerable Adults Act) telah diluluskan pada tahun 2018 untuk melindungi orang dewasa yang telah menjadi mangsa atau berisiko menjadi mangsa kepada penyalahgunaan, pengabaian atau pengabaian diri. Maklumat lanjut mengenai perlindungan orang dewasa yang lemah seperti mana disebutkan di atas boleh didapati di bawah.

Siapakah dewasa yang lemah?

Seseorang yang berumur 18 tahun ke atas dan mengalami kelemahan mental atau fizikal, kecacatan atau ketidakupayaan, atau yang tidak dapat melindungi dirinya daripada penyalahgunaan, pengabaian atau pengabaian diri.

Kenali penderaan dewasa yang lemah?

Penderaan orang dewasa yang lemah berlaku ketika seseorang atau pengasuh di dalam posisi kepercayaan atau bertanggungjawab untuk penjagaan orang dewasa tersebut, bertindak, atau gagal bertindak dengan cara yang menempatkan keselamatan, kesihatan atau kesejahteraan orang dewasa yang terancam pada risiko. Ia boleh merupakan perbuatan yang tunggal, atau perbuatan yang berlaku berulang kali dari masa ke masa.

Perhatikan tanda-tanda

Penderaan Fizikal:

Penderaan fizikal menyebabkan sakit fizikal atau kecederaan atau kematian kepada orang dewasa yang lemah itu, dan boleh dikenakan melalui pelbagai tindakan seperti memukul, menolak, mencekik, menyalahgunakan perubatan, menggunakan sekatan yang salah, atau sebarang kaedah yang membatasi kebebasan dewasa yang terancam untuk bergerak atau menahan orang dewasa yang lemah tanpa kehendaknya. Anda mungkin melihat sejarah kecederaan yang tidak dapat dijelaskan dan berganda pada peringkat penyembuhan yang berlainan, kelewatan melaporkan dan mendapatkan rawatan perubatan, kehilangan rambut atau berat badan dan kecederaan yang tidak dapat dijelaskan.

Penderaan Emosi & Psikologi:

Penderaan emosi atau psikologi orang dewasa yang lemah boleh diakibatkan dari ugutan, penghinaan, cacian, buli, gangguan atau percubaan untuk mengasingkan orang dewasa yang lemah dari keluarga dan teman-teman. Anda mungkin melihat orang dewasa yang lemah menjadi sangat cemas atau menarik diri dari keluarga dan rakan-rakan, mengalami masalah kemurungan atau tidur, dan mengalami kecenderungan atau tingkah laku mahu membunuh diri.

Penderaan Seksual:

Penderaan seksual berlaku apabila orang dewasa yang lemah dipaksa mengambil bahagian dalam aktiviti seksual tanpa kehendaknya, atau apabila dia tidak dapat memberikan persetujuan kerana kurang keupayaan mental. Pendedahan kepada pornografi dan bahasa seksual juga merupakan bentuk penderaan seksual. Tandatanda yang boleh terlihat termasuk pakaian dalam yang kotor, atau kesakitan, gatal-gatal atau kecederaan di kawasan alat kelamin.

Pengabaian:

Pengabaian merujuk kepada situasi di mana keperluan seharian asas orang dewasa yang lemah tidak dipenuhi, seperti makanan, perumahan, pakaian, penjagaan fizikal dan perubatan, dan sokongan kewangan. Seorang dewasa lemah yang diabaikan mungkin diperhatikan mendapat pemakanan yang tidak baik, kebersihan yang tidak baik, pakaian yang kotor atau tidak mencukupi, dan susulan perubatan yang kurang baik.

Penderaan Kewangan:

Penderaan kewangan berlaku apabila seseorang dalam posisi kepercayaan mengambil keuntungan dari wang atau sumber orang dewasa yang lemah untuk keuntungan dirinya sendiri. Ini mungkin termasuk pencurian, penipuan, atau tekanan ke atas orang dewasa yang lemah untuk membuat atau menukar wasiat, memindahkan harta atau membuat transaksi lain. Mungkin juga terdapat pengeluaran wang yang tidak boleh dijelaskan daripada akaun bank orang dewasa yang terancam atau penafian akses kepada harta atau dana sendiri orang dewasa yang terancam.

Di mana untuk mendapatkan bantuan?

Anda boleh mendapatkan bantuan daripada mana-mana Pusat Perkhidmatan Keluarga (Family Service Centres, atau FSC) dari segi kaunseling dan sokongan yang berkaitan dengan keganasan keluarga atau masalah kekeluargaan yang lain. Anda juga boleh menghubungi mana-mana Pusat Pakar Keganasan Keluarga (Family Violence Specialist Centres, atau FVSC) yang boleh memberi kaunseling yang lebih khusus dan bantuan yang berkaitan dengan keganasan keluarga.

Kes-kes yang lebih kompleks boleh dirujuk kepada Perkhidmatan Perlindungan Orang Dewasa (Adult Protective Service, atau APS) di bawah Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF). Akta Perlindungan Orang Dewasa Lemah (Vulnerable Adults Act) membolehkan perkhidmatan sosial Pemerintah untuk campur tangan, membantu dan melindungi orang dewasa yang lemah apabila pencampuran tangan dari keluarga dan komuniti mangsa sendiri tidak mencukupi.

Jika anda khawatir tentang keselamatan anda, anda boleh memohon Perintah Perlindungan Peribadi (Personal Protection Order, atau PPO) di bawah Piagam Wanita. Anda boleh memohon PPO tersebut melalui sistem online iFAMS atau secara langsung di Mahkamah Keadilan Keluarga. Anda juga boleh membuat aduan melalui kemudahan video-link di mana-mana FVSC.

Jika keselamatan anda atau ahli keluarga anda terancam, anda harus menghubungi pihak Polis dengan segera di talian **999**.

Contact details:



ComCare Call

1800 222 0000

Family Violence Specialist Centres

PAVE

Blk 211 Ang Mo Kio Ave 3 #01-1446 Singapore 560211
 6555 0390

TRANS SAFE Centre

Blk 410 Bedok North Ave 2 #01-58 Singapore 460410
 6449 9088


Care Corner Project StART

Blk 7A Commonwealth Ave #01-672 Singapore 141007
 6476 1482

TIGA:

Pengurusan Kekayaan Kewangan

Terdapat beberapa jenis pengurusan kekayaan: **perancangan kesinambungan bisnes, perancangan kekayaan keluarga dan hakmilik harta tanah**




1. Perancangan Kesinambungan Bisnes

Kesinambungan bisnes keluarga sering menjadi kebimbangan bagi banyak pemilik bisnes.

Mempunyai perancangan kesinambungan bisnes yang jelas, terperinci dan berkuatkuasa dari segi undang-undang bukan sahaja dapat melindungi warisan anda sebagai pemilik bisnes tetapi juga membawa kestabilan kepada bisnes dan pekerja anda secara keseluruhan.

Adalah penting untuk memulakan perancangan dengan awal kerana terdapat banyak aspek yang perlu dipertimbangkan dengan betul. Ini seterusnya akan menentukan bentuk struktur bisnes yang pengganti itu akan ambil.

Bisnes keluarga boleh diuruskan melalui pelbagai struktur pengurusan kekayaan, iaitu syarikat swasta, amanah keluarga swasta, amanah wasiat atau amanah keperluan khas.



Objektif utama perancangan kesinambungan bisnes adalah untuk memastikan kesinambungan bisnes, supaya yang orang tersayang dan tanggungan anda dijaga dari segi kewangan, dan juga untuk memastikan pengumpulan kekayaan yang terbaik.

Syarikat Swasta

Syarikat swasta seperti **sebuah pejabat keluarga** boleh mentadbir aset mengikut kehendak anda, di mana objektif utama adalah pembahagian aset peribadi anda dalam jangka panjang, dan bukan untuk aktiviti komersial atau amal. Ia berfungsi sebagai entiti undang-undang yang berasingan.

Manfaat tertentu untuk melakukan perancangan pengantian perniagaan melalui syarikat swasta termasuk:

- Ia memberi anda pilihan untuk menentukan berapa banyak perniagaan anda yang akan diterima oleh setiap seorang beneficiari anda.
- Ia memberikan kestabilan jangka panjang dengan melindungikekayaan bisnes keluarga anda.
- Anda akan dapat mengekalkan kawalan ke atas syarikat swasta dan juga memberi anda pengurusan yang tepat.

Amanah Keluarga Swasta

Amanah keluarga swasta dan secara lanjutan **syarikat amanah swasta** (Private Trust Company, atau PTC) merujuk kepada entiti yang telah diserahkan pemilikan aset anda.

PTC memegang dan mentadbir aset anda untuk faedah keluarga anda.

PTC boleh menyediakan perkhidmatan amanah kepada satu amanah atau kumpulan amanah tertentu.

Ini membolehkan pemeliharaan dan kesinambungan urusan kewangan anda sementara anda masih mengekalkan kawalan ke atas amanah itu.

Berikut adalah beberapa faedah yang ditawarkan kepada anda sekiranya anda memilih untuk menggunakan PTC:

- PTC dikecualikan daripada keperluan pelesenan Pihak Berkuasa Kewangan Singapura (MAS) kerana ia hanya memberi perkhidmatan kepada anda dan keluarga anda sahaja. Bagaimanapun, ia mesti melantik syarikat amanah berlesen untuk menjalankan perkhidmatan pentadbiran amanah bagi tujuan menjalankan pemeriksaan yang diperlukan untuk mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh MAS.
- Anda atau orang tersayang anda boleh secara aktif menguruskan aset ini dengan pelantikan ke lembaga pengarah PTC. Ini berguna terutamanya jika keluarga anda tahu rancangan jangka panjang bisnes keluarga dan ingin memiliki tahap kawalan yang tinggi dalam urusan bisnes keluarga, tetapi juga ada manfaat dari aset-aset dipegang oleh amanah.
- Jenis pendapatan tertentu diterima daripada PTC boleh dikecualikan daripada cukai, dan membolehkan pengekalan aset dalam keluarga.

Amanah Wasiat

Amanah wasiat merujuk kepada pewujudan suatu amanah di atas kematian anda seperti yang dinyatakan dalam wasiat anda.

Ini bermakna bahawa amanah yang anda buat hanya akan berkuatkuasa setelah kematian anda.

Wasi yang dilantik untuk melaksanakan wasiat anda akan memastikan bahawa kandungan wasiat anda (iaitu kehendak anda) dijalankan. Mereka biasanya dilantik sebagai pemegang amanah di bawah wasiat anda. Sebaik-baiknya, lebih daripada satu perlu dilantik. Orang yang dipilih sebagai wasi mestilah berusia lebih dari 21 tahun dan berminda yang baik. Di samping itu, mereka harus bertanggungjawab dan bersedia mengambil peranan tersebut.

Sebaik-baiknya, mereka patut diberitahu bahawa mereka telah dilantik sebagai wasi anda, dan harus tahu di mana untuk mencari salinan asal wasiat anda sekiranya anda meninggal dunia.

Sebuah syarikat amanah juga boleh dilantik sebagai wasi wasiat anda. Atas kematian anda, syarikat amanah akan memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan probet wasiat itu dan, jika probet diberikan, akan melaksanakan semua kuasa dan tugas seorang wasi.

Secara keseluruhan, adalah penting untuk diperhatikan bahawa perancangan awal adalah penting dalam memastikan kestabilan jangka panjang bisnes anda. Anda juga harus terus menyemak rancangan anda.

Amanah Keperluan Khas

Contoh **amanah keperluan khas** adalah satu yang ditadbir oleh **Special Needs Trust Company Limited** (SNTC), yang melayani orang-orang dengan keperluan khas. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada, demensia, autisme, Down Syndrome atau ketidakupayaan mental yang lain.

SNTC mempunyai pasukan pengurus kes berdedikasi yang dilatih dalam kerja sosial untuk bekerjasama dengan penjaga untuk mengenal pasti dan menilai keperluan tanggungan mereka dan membangunkan rancangan penjagaan untuk mereka. Mereka juga disokong oleh lembaga sukarelawan dari bidang undang-undang, medikal dan kewangan.

Amanah SNTC memastikan bahawa orang kesayangan anda menerima hadiah di bawah wasiat, pencalonan insurans dan CPF anda. Ia membolehkan anda

bergantung kepada pemegang amanah, yang tahu tentang hak-hak orang dengan keperluan khas, untuk menguruskan urusan kewangan orang tersayang anda dalam jangka panjang.

Sebuah Amanah SNTC memastikan hadiah yang telah anda ketepikan untuk orang yang anda sayangi di bawah wasiat, insurans dan pencalonan simpanan CPF anda dilindungi. Wang itu juga dijamin oleh Pemerintah kerana dana itu diuruskan oleh Pemegang Amanah Awam. Hal ehwal kewangan orang tersayang anda akan dijaga dengan baik.

SNTC juga bercadang untuk melancarkan perkhidmatan baru tidak lama lagi yang membantu orang tua tanpa sokongan keluarga untuk merancang untuk hari mereka kehilangan keupayaan mental. Pelanggan perkhidmatan baru ini boleh menunjukkan keinginan dan pilihan mereka mengenai penjagaan masa depan mereka, dan melantik seorang penerima kuasa. Sebagai alternatif, mereka boleh menyediakan SNTC dengan senarai timbalan dengan siapa SNTC harus berkerjasama sekiranya mereka kehilangan keupayaan mental. Sekiranya mereka kehilangan keupayaan mental, SNTC akan membantu melaksanakan hasrat mereka, dan menubuhkan satu amanah SNTC supaya urusan kewangan mereka dapat dijaga.

2. Perancangan Kekayaan Keluarga

Penciptaan Wasiat

Wasiat boleh dibuat untuk mengagihkan kekayaan anda di kalangan ahli keluarga anda.

Wasiat adalah dokumen undang-undang yang menetapkan arahan anda tentang cara, oleh siapa dan dengan cara apa, aset anda akan diedarkan selepas kematian anda.

Wasiat yang sah akan menjimatkan masa dan kos dan menghilangkan keraguan yang timbul berkenaan dengan pemilikan aset anda semasa kematian.

Di bawah undang-undang Singapura, anda boleh membuat wasiat apabila mencapai usia 21 tahun dan mempunyai keupayaan mental.

Ini paling baik dilakukan dengan berunding dengan peguam anda.

Apabila merancang wasiat anda, beberapa pertimbangan penting adalah:

- Agama anda
- Wang CPF
- Aset-aset Dipegang Oleh Pemilik-pemilik Bersama
- Polisi-polisi Insurans

Kerana setiap situasi individu adalah unik, sebaiknya berunding dengan peguam anda ketika menulis wasiat, supaya keinginan anda dapat dijalankan dengan tepat.

Wasiat yang ditulis dengan betul dan menyatakan niat anda dengan jelas, dapat membantu mengelaki pertikaian perundangan atas hartaan anda dan memelihara keharmonisan keluarga.

Bagi orang Islam di bawah Akta Pentadbiran Undang-undang Islam, orang Islam yang tinggal di Singapura hanya boleh mengedarkan harta mereka mengikut wasiat selaras dengan undang-undang Islam.

Melindungi Keselamatan Kewangan

Melindungi keselamatan kewangan anda adalah penting semasa anda meniti usia tua.

Dengan kenaikan kos, kejatuhan ke dalam hutang membuat anda tidak selamat dari segi wang dan lebih kemungkinan terjejas secara negatif dalam kemerosotan ekonomi.

Ancaman terhadap keselamatan kewangan anda mungkin disebabkan oleh **perjudian, penipuan Internet dan pelaburan**.

Perjudian

Hutang perjudian akan menjadikan kesejahteraan kewangan anda. Keluarga anda juga mungkin terjejas oleh masalah kewangan anda.

Meminjam wang dari keluarga dan rakan anda untuk menyelesaikan hutang perjudian anda boleh menjadikan hubungan anda dengan mereka.

Jika anda meminjam wang daripada peminjam wang berlesen, anda mungkin perlu membayar yuran pentadbiran, kadar faedah yang tinggi dan sebarang caj lewat.

Jika anda seorang penjudi masalah, anda boleh mendapatkan bantuan daripada:



Majlis Antarabangsa Masalah Perjudian



1800 6 668 668

www.ncpg.org.sg

Penipuan Internet

Dengan penggunaan telefon pintar dan Internet yang semakin pesat di kalangan orang tua, mereka sangat terdedah kepada penipuan yang dilakukan melalui Internet. Penipuan sedemikian mungkin melibatkan orang tua memindahkan wang kepada orang yang tidak dikenali untuk pelbagai sebab.

Anda perlu berjaga-jaga kepada kemungkinan permintaan wang melalui Internet mungkin tidak tulin.

Mengamalkan keselamatan siber akan membantu anda untuk melindungi kewangan anda. Maklumat lanjut boleh didapati di:



Agensi Keselamatan Siber Singapura



www.csa.gov.sg/gosafeonline

Suatu masa lagi apabila anda harus membuat laporan polis adalah apabila anda menjadi mangsa penipuan.

Penipuan-penipuan yang disebutkan termasuk penipuan penyamaran sebagai agensi pemerintah, dimana seorang penipu memperkenalkan diri sebagai kakitangan dari agensi permerintah dan mendakwa bahawa anda telah melanggar undang-undang, dan seterusnya menuntut anda memberi butiran-butiran peribadi anda seperti nombor akaun bank atau menyuruh anda memindah wang ke akaun pihak yang tidak dikenali oleh anda.



Majlis Pencegahan Jenayah Antarabangsa Talian bantuan Anti-Penipuan



1800 722 6688

www.scamalert.sg

Pelaburan

Dengan umur, anda mungkin tidak boleh lagi mengambil pekerjaan yang anda lakukan dahulu atau mendapat sebanyak seperti dahulu.

Pelaburan mungkin merupakan cara yang menarik untuk mengembangkan modal anda dan memberi anda jaminan kewangan yang lebih baik.

Walau bagaimanapun, terdapat risiko yang terlibat dalam pelaburan. Sebagai contoh, nilai pelaburan anda mungkin jatuh dalam kemerosotan ekonomi.

Sebelum melabur simpanan persaraan hasil titik peluh anda, sentiasa mendapatkan nasihat daripada penasihat kewangan yang layak.

3. Pemilikan Hartanah (Cara Memegang Hartanah)

Dengan peredaran masa, pemilikan rumah dan harta tanah akan berubah dan merupakan satu sudut yang boleh mencetuskan komplikasi.

Bersedia terlebih dahulu dengan pengetahuan mengenai apa yang boleh dilakukan mengenai pemilikan rumah anda boleh membantu anda merancang lebih baik.

Dimana ada lebih dari satu pemilik, pemilikan harta tanah di Singapura secara luas jatuh di bawah dua kategori: **pemilikan bersama (joint tenancy) dan pemilikan pecah milik (tenancy in common)**

Jenis penyewaan dan jika berkenaan, bahagian pemilikan, akan direkodkan dengan jelas dalam surat hakmilik harta tanah itu.

Ini akan menjadi relevan kepada anda apabila soalan berkaitan dengan pemilikan harta tanah itu timbul.

Tenancy-in-common	Joint Tenancy
Bahagian pemilik akan dialihkan ke benefisiari berkaitan dikenalpasti dalam wasiat selepas mereka mati	Semua pemilik mempunyai kepentingan yang sama dalam harta tersebut.

Tenancy-in-common	Joint Tenancy
Ini bermakna yang bahagian harta anda akan diserahkan kepada anak-anak and jika anda jika itu yang anda tetapkan dalam wasiat.	Ini bermakna jika sebarang satu pemilik bersama meninggal, kepentingannya dalam harta tanah beralih kepada baki pemilik harta tanah itu. Peralihan ini akan berlaku walaupun pemilik yang meninggal membuat wasiat untuk kenalpasti benefisiari kepada mana dia ingin memberi bahagiannya.

Menyedari tentang cara pemilikan yang sedia ada boleh menolong anda memutuskan samada anda perlu ambil tindakan untuk melindung dari perkara masa hadapan.

Kemampuan mengambil tindakan di mana perlu akan memberi anda ketenangan fikiran tentang keperluan perumahan orang yang anda sayang.

Kategori	Tenancy-in-Common	Joint Tenancy
Pemegangan Bahagian	Tidak perlu sama.	Setiap pemilik memiliki Kepentingan yang sama.
Hak survivorship	Hak survivorship tidak terpakai. Hak pemilik yang mati dalam harta tanah beralih dalam harta tanah beralih ke estetnya.	Hak terus hidup terpakai. Atas kematian pemilik harta tanah, bahagian harta pemilik yang mati beralih ke pemilik lain harta tanah itu

Kategori	Tenancy-in-Common	Joint Tenancy
Kematian	Atas kematian pemilik bersama, harta tanah itu hanya boleh diuruskan oleh wakil peribadi pemilik bersama yang mati.	Atas kematian pemilik bersama, pemilik masih hidup mempunyai hak untuk menguruskan harta tanah.
Penukaran	Di mana pegangan bahagian sama, tenancy-in-common boleh ditukar ke tenancy bersama dengan mendaftar deklarasi di Daftar Tanah Singapura.	Dengan cara pemutusan, tenancy bersama boleh ditukar ke tenancy-in-common dengan bahagian sama dengan mendaftar deklarasi di Daftar Tanah Singapura.

Selain dari cara dalam mana harta dimiliki, pertimbangan kewangan juga perlu dirancang dengan teliti jika harta tanah ini masih mempunyai gadai janji dan tidak dibayar sepenuhnya.

Dalam hal ini, selain daripada gadai janji tradisional, pilihan lain adalah gadai janji terbalik di mana peminjam tidak membayar balik kepada institusi kewangan (FI) tetapi menerima bayaran sekaligus atau bayaran bulanan dari FI sambil dia terus tinggal di rumahnya. Walau bagaimanapun, pilihan gadai janji terbalik tidak popular di Singapura kerana keperluan tertentu mesti dipenuhi untuk memenuhi syarat untuk gadai janji terbalik dan risiko kehilangan rumah wujud.

EMPAT: **Memasuki Kontrak**

Kontrak adalah sebahagian dari hidup sehari-hari kita.

Kita memasuki kontrak dengan orang lain di dalam banyak situasi, sama ada ianya berjumba seorang doktor, membeli rumah, membeli barang runcit di pasar raya atau di Internet.

Anda perlu mengingati perkara berikut apabila membuat kontrak.



Caveat Emptor –Pembeli Harus Berhati-hati

Penjual tidak dijangka menjamin kualiti produknya; ia adalah untuk pembeli untuk memeriksa kualiti produk - jika pembeli tidak berbuat begitu, pembeli menanggung risiko bahawa produk itu mungkin rosak. Prinsip undang undang ini dikenali sebagai "caveat emptor", yang mengatakan bahawa pembeli harus berhati-hati.

Ia boleh menjadi sukar bagi orang tua untuk mendapat maklumat atau tahu apa yang perlu ditanya tentang produk yang mereka ingin membeli. Undang-undang kontrak am memberikan beberapa perlindungan untuk pembeli, contohnya, pembeli boleh membuat penjual bertanggungjawab sebab membuat pernyataan yang mengelirukan tentang produk mereka.

Juga, Akta Jualan Barang memerlukan syarat-syarat tertentu dalam kontrak untuk penjualan barang seperti memerlukan barang untuk sepadan dengan deskripsi mereka dan adalah berkualiti yang memuaskan.

Berhati-hati sebelum anda menandatangani di garis titik.

Secara umumnya, sebaik sahaja anda menandatangani kontrak, anda terikat dengan syaratnya.

Anda tidak boleh kemudiannya menuntut bahawa anda tidak menyedari syarat kontrak atau tidak berhasrat untuk menandatangani kontrak.

Ini juga jelas terpakai walaupun anda tidak membaca kontrak sebelum menandatangani atau jika anda tidak fasih membaca bahasa Inggeris, selagi anda tahu bahawa apa yang anda lakukan adalah menandatangani kontrak.

Oleh itu, sebelum anda menandatangani sebarang kontrak, anda harus:

- Ketahui apa yang anda tandatangani.
- Minta untuk dokumen dibacakan kepada anda jika anda tidak boleh membaca.
- Minta untuk dokumen diterjemahkan atau ditafsirkan kepada bahasa yang anda boleh memahami.
- Di mana boleh, dapatkan nasihat guaman.

Adalah terbaik untuk mendapatkan nasihat guaman sebelum anda:

- Menyumbang jumlah kepada skim pelaburan yang menjanjikan pulangan yang sangat tinggi dengan risiko minima;
- Tandatangani dokumen yang akan menyebabkan jualan atau gadai janji rumah anda; atau
- Menbeli produk tidak teruji dan yang tidak sesuai untuk keperluan anda dan sangat mahal

Ia adalah dalam situasi yang sangat terhad yang anda boleh menuntut bahawa anda tidak patut terikat oleh kontrak. Satu contoh ialah di mana seseorang yang buta huruf menandatangani dokumen (sebagai contoh, dokumen jaminan) yang sangat berbeza daripada dokumen yang dia percayai (sebagai contoh, kontrak untuk penjualan barang). Dalam situasi itu, orang yang buta huruf itu mungkin tidak terikat oleh jaminan jika dia tidak cuai dalam menandatangani jaminan itu.

Adakah anda menandatangani kontrak dengan kerelaan anda sendiri?

Adalah biasa bagi orang tua untuk dipengaruhi dan dipujuk sebelum membuat kontrak. Undang-undang mengiktiraf beberapa situasi di mana pengaruh dan pujukan seperti itu menyebabkan kontrak tidak sah dan tidak berkuatkuasa.

Paksaan

Kadang-kadang, seseorang boleh dipaksa untuk menandatangani kontrak di bawah ancaman bahaya fizikal atau melalui tekanan komersil yang tidak sesuai.

Di mana kontrak dibuat di bawah paksaan, ia tidak sah.

Oleh itu, anda perlu berhati-hati jika tertekan untuk menandatangani kontrak yang anda tidak mahu menandatangani.

Pengaruh Tidak Wajar

Pengaruh tidak wajar berlaku apabila satu pihak mengambil kesempatan dari kepercayaan dan keyakinan yang pihak lain ada padanya berdasarkan hubungan mereka. Kontrak adalah tidak sah jika satu pihak memasukinya di bawah pengaruh tidak wajar pihak lain.

Di bawah undang-undang, pengaruh tidak wajar boleh berlaku dalam hubungan berikut:

- Ibu bapa dan anak
- Pemegang Amanah dan benefisiari
- Peguam dan pelanggan

Satu cara untuk mengelakkan menjadi mangsa pengaruh tidak wajar adalah memastikan nasihat undang-undang yang bebas dan kompeten diperoleh sebelum memasuki kontrak.

Tawaran yang tidak munasabah

Tawaran yang tidak munasabah berlaku apabila satu pihak secara sedar berhasrat untuk mengambil kesempatan daripada pihak lain yang dari kumpulan berpendapatan rendah atau tidak berpendidikan tinggi dengan cara yang salah secara moral.

Satu contoh tawaran yang tidak munasabah adalah apabila seorang penyewa warga tua dengan hanya pendidikan sekolah rendah dipujuk oleh tuan tanahnya untuk menjual harta bendanya kepada tuan tanah pada nilai rendah yang ketara, tanpa manfaat nasihat guaman independen.

Seperti dengan pengaruh yang tidak wajar, adalah terbaik untuk mendapatkan nasihat guaman independen sebelum memasuki mana-mana transaksi yang berpotensi merugikan dengan pihak yang mempunyai kuasa tawar-menawar yang lebih kuat.

Adakah kontrak anda dilindungi oleh undang-undang?

Untuk melindungi orang yang lemah apabila mereka memasuki kontrak, undang-undang Singapura menyediakan perlindungan tertentu untuk mereka. Beberapa contoh disediakan di bawah.

1. Akta Perlindungan Pengguna (Fair Trading) (biasanya dikenali sebagai ‘Lemon Law’) menetapkan senarai amalan perdagangan yang tidak adil dan membolehkan pengguna menuntut remedi sivil terhadap perniagaan, pembekal dan peniaga yang bermasalah. Persatuan Pengguna Singapura (CASE) telah memberikan nasihat dan panduan berguna kepada pengguna di laman web mereka www.case.org.sg/consumer_guides.aspx.
2. Bagi polisi insurans dan produk sejenis yang lain, MAS menghendaki syarikat-syarikat insurans menawarkan ‘tempoh lihat percuma’ selama 14 hari. Sepanjang tempoh ini, pengguna boleh mengkaji, dan membatalkan polisi mereka untuk bayaran balik penuh premium mereka kurang perbelanjaan medikal dan lain-lain yang telah mereka bayar. MAS juga mengenakan ‘tempoh lihat percuma’ selama 7 hari untuk produk pelaburan. Ini membolehkan pelabur membatalkan pelaburan mereka tanpa perlu menanggung caj jualan atau komisen.
3. Selalunya, perniagaan boleh cuba mengecualikan atau membatasi tugas dan liabiliti mereka di bawah kontrak dengan memasukkan klausa pengecualian. Akta Syarat Kontrak yang Tidak Adil melindung pengguna dengan membuat klausa pengecualian sebegini tidak sah, sebagai contoh, di mana kematian atau kecederaan peribadi terjadi akibat kecuaian perniagaan.

LIMA:

Panduan kepada Bantuan Kecemasan untuk Pengasuh

Bab ini disumbangkan oleh Palang Merah Singapura dan berfungsi sebagai pengenalan kepada rawatan perubatan untuk orang tua. Ini bertujuan untuk memberikan pengasuh kepada orang tua dengan maklumat dan pengetahuan asas dalam mengenal pasti, merancang dan menguruskan situasi kecemasan di rumah.

Sebagai penjaga dalam bantuan kecemasan, anda harus mengingati bahawa kemahiran dan pengetahuan anda terbatas. Apabila berlaku kecemasan, memperkenalkan diri anda kepada magsa, dapatkan kebenaran untuk menghulur bantuan dan terangkan bantuan yang akan diberikan. Tanggungjawab anda bermula dari saat anda tiba di tempat kejadian dan terus sampai bantuan perubatan tiba atau ketika mangsa sembah. Pesakit warga tua mempunyai keperluan bantuan kecemasan yang berbeza daripada orang yang lebih muda. Kulit tipis, tulang rapuh dan faktor lain membuat memberi bantuan kecemasan untuk warga tua lebih rumit.



Pengenalan kepada Bantuan Kecemasan

Definasi Bantuan Kecemasan adalah bantuan **serta merta** diberikan kepada seseorang yang cedera atau tiba-tiba sakit **sebelum ketibaan bantuan perubatan**.

Matlamat Bantuan Kecemasan

Sebagai pemberi Bantuan Kecemasan, ingati bahawa anda patut:

1. **Memelihara** nyawa dengan melakukan kemahiran resusitasi apabila perlu.
2. **Mencegah** kecederaan menjadi lebik teruk dengan memberi bantuan cemas untuk mengurangkan komplikasi lanjut.
3. **Menggalakkan** pemulihan dengan memastikan mangsa selamat. Pantau keadaan sehingga bantuan perubatan tiba.
4. **Memberi** keselesaan dan kelegaan dengan meyakinkan mangsa.

Prinsip-prinsip & Amalan-amalan Bantuan Kecemasan

Peranan anda sebagai pemberi Bantuan Kecemasan ialah untuk:

- **Menyelamatkan** nyawa dengan melakukan Resusitasi Cardio-Pulmonary (CPR) jika perlu.
- **Mengurus** penjagaan dan mengutamakan kecederaan.
- **Dapatkan bantuan** dengan menelefon Ambulans di talian 995 dan minta Alat Defibrillator Luar Automatik (AED) dan Kit Bantuan Kecemasan jika ada.
- **Perhatikan dan memantau** mangsa sehingga bantuan perubatan tiba. Elakkan meninggalkan mangsa sendirian atau tanpa pengawasan.

Keselamatan Diri

Perhatikan keadaan dan sekeliling kawasan sekitaran. Pastikan semua yang terlibat ada didalam keadaan selamat dan cuba mencegah orang lain daripada kecederaan. Anda mungkin bimbang tentang dijangkiti oleh mangsa yang anda merawat. Untuk mengurangkan kebarangkalian ini, anda harus mengikuti protokol berikut:

